

Headline	Kerusi roda bateri bantu pergi mengundi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Setempat	Page No	72
ArticleSize	172 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,250		



ZAINI lega terima kerusi roda ber bateri daripada PERKESO.

## Kerusi roda bateri bantu pergi mengundi

**Melaka:** "Syukur... dengan adanya kerusi roda berkuasa bateri ini, mudahlah untuk saya menunaikan tanggungjawab mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14)," kata pesakit saraf, Zaini Abd Rahman, 59.

Zaini bersyukur kerana permohonannya mendapatkan kerusi roda berkuasa bateri beberapa bulan lalu diluluskan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di Kuala Lumpur yang menyerahkan kerusi roda berkenaan melalui wakilnya di Melaka.

"Dapatlah saya mengundi dengan lebih selesa di pusat mengundi.

"Saya bersyukur walaupun keadaan membataskan,

saya masih lagi boleh menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi," katanya ditemui di kediamannya di Rumah Awam Bukit Lintang, Ayer Molek, di sini, semalam.

Zaini disahkan doktor mengalami masalah saraf dan terpaksa bersara awal daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada usia 52 tahun menerusi skim pencen ilat PERKESO.

Katanya, dia disahkan menghidap masalah saraf tunjang lebih enam tahun lalu yang menyebabkannya sukar menggerakkan kedua-dua kaki dan tidak boleh menggenggam tangan kiri serta menggunakan kerusi roda manual.